

25 JAN 2002

Ekspedisi (Bergambar)

SUAMI-ISTERI KELILING DUNIA GUNA KENDERAAN PACUAN EMPAT RODA

Oleh: Farhanah Azmi

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) -- Semangat "Malaysia Boleh" terus membakar keazaman rakyat Malaysia untuk mencapai kejayaan dan mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa.

Berbekalkan keazaman itu, Mej (B) Mohd Arshad Khan, 58, bersama-sama isterinya, Salina Abdullah, 55, akan melakukan penjelajahan mengelilingi dunia menggunakan kenderaan pacuan empat roda.

Pengalaman Mohd Arshad semasa berkhidmat selama 15 tahun dalam bidang ketenteraan dan kesempatan untuk melawat beberapa buah negara luar menjadi pemangkin kepada beliau untuk merealisasikan impiannya.

"Saya telah menyimpan cita-cita untuk mengelilingi dunia bermula sejak saya memegang jawatan Leftenan Muda lagi. Saya tunggu peluang itu sehingga masa ini, iaitu selepas tamat berkhidmat dalam angkatan tentera," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Mohd Arshad berkata hasrat untuk mengelilingi dunia ini telah mendapat persetujuan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan di sokong oleh Kementerian Belia dan Sukan dan Kedutaan Malaysia di luar negara.

Menurut beliau ekspedisi mengelilingi dunia itu sepatutnya bermula akhir bulan ini tetapi tarikh permulaannya terpaksa ditunda akibat beberapa masalah teknikal dan ia mungkin akan dibuat pada akhir Feb atau awal Mac.

Mohd Arshad berkata sebanyak RM70,000 telah dikeluarkan sendiri bagi merealisasikan hasratnya itu dan kini beliau memerlukan penajaan kira-kira RM400,000 daripada syarikat swasta.

"Saya memang perlukan bantuan penajaan kerana setakat ini belum ada penaja, melainkan bantuan daripada kerajaan terutama sekali Perdana Menteri khususnya daripada segi semangat kesukanan dan sokongan beliau.

"Saya berharap dengan publisiti yang ada dan sokongan pihak media, saya harap akan dapatkan bantuan dari sektor swasta," katanya.

Beliau yang berasal dari Ipoh, Perak berkata ekspedisi untuk mengelilingi dunia itu akan mengambil masa lima hingga enam bulan.

Mohd Arshad dan Salina sebelum ini pernah melakukan ekspedisi dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda itu secara persendirian di beberapa buah negara antaranya United Kingdom, Nigeria dan Thailand.

"Saya juga pernah mengelilingi Sabah melalui jalan balak. Saya yakin dengan pengalaman-pengalaman sebelum ini, cita-cita saya itu akan tercapai," katanya.

Bagi ekspedisi kali ini, Mohd Arshad akan menggunakan kenderaan pacuan empat roda Toyota Land Cruiser XV berkuasa turbo yang menggunakan nombor pendaftaran "Putrajaya 2002".

Penjelajahan suami-isteri itu akan bermula di India dan antara negara yang bakal ditemphi dalam ekspedisi itu ialah Nepal, Pakistan, Iran, Turki, Eropah, Kanada, Jepun, Korea Selatan, China, Vietnam, Laos dan Thailand.

-- BERNAMA

FA HS PR